



**SELASA, 23 JANUARI 2024
UNTUK SIARAN SEGERA**

**TAYAR HADAPAN PESAWAT LATIHAN TERTANGGAL SEMASA
MENDARAT DI LANDASAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
MELAKA**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan insiden membabitkan pesawat yang sedang menjalani latihan di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka pada pukul 3.07 petang, Selasa, 23 Januari 2024. Pesawat latihan jenis Piper PA-28-181 dengan nombor pendaftaran 9M-ITX yang dikendalikan oleh International Aero Training Academy (IATAC) itu dipercayai gagal mendarat dengan baik hingga menyebabkan tayar hadapan tertanggal.

Insiden ini melibatkan seorang juruterbang pelatih dan beliau dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan. Pesawat berkenaan telah dialihkan dari landasan pada pukul 3.35 petang dan dibawa ke hangar berhampiran untuk pemeriksaan lanjut. Lapangan terbang tersebut kembali beroperasi pada pukul 4.12 petang selepas semua pemeriksaan keselamatan selesai dilakukan.

Siasatan lanjut akan dilaksanakan oleh Biro Siasatan Kemalangan Udara di bawah Kementerian Pengangkutan mengikut Bahagian XXVI Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016.

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia